

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 27 MEI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	SARAWAK MAHU BERI TANAH KEPADA KERAJAAN PUSAT, ISU, BH -7 AGRICULTURE MINISTER HOPES TO REDUCE IMPORTED AGRICULTURAL PRODUCTS, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A35 MINISTER OF AGRICULTURE: AGRICULTURAL PRODUCTS TO INCREASE IN 5 YEARS, REDUCE IMPORTS, NATION, SIN CHEW DAILY -7 AGRICULTURE MINISTER: PH GOVT TAKES CARE OF ALL PEOPLE, NEWS, GUANG MING DAILY -A6 AGRICULTURAL MINISTER URGES PUBLIC NOT TO FALL FOR RUMORS AS PAKATAN LOYAL YO THE COUNTRY, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
6.	TAHAN DUA BOT LEKA KAUT HASIL LAUT, SETEMPAT, HM -12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7. 8.	LANTIKAN MENTERI DIPERTIKAI, KUALA SELANGOR, TANJONG KARANG, SH -33 NAFAS SUDAH KEMUKA PELAN PERNIAGAAN KEPADA MOA, NEWS, SELANGOR KINI -10	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
9. 10. 11. 12.	USAHA MEMBANGUNKAN TANAH TERBIAR, BISNES SINAR, SH -27 BISNES KAMBING ORANG MUDA, MEGA AGRO, UM -28 BIMBANG MASALAH PENYAKIT MENULAR, MEGA AGRO, UM -29 PROTECT RIGHTS FOR PADDY FARMERS EVEN IF FACING JAILS, METRO EDITION A, SIN CHEW DAILY -15	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Sarawak mahu beri tanah kepada Kerajaan Pusat

Johor Bahru: Kerajaan Sarawak berhasrat menawarkan kira-kira 600,000 hektar tanah yang tidak akan ditanam semula dengan kelapa sawit kepada mana-mana pihak yang berminat termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata perkara itu akan dibincangkan bersama Ketua Menteri, Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg dalam satu pertemuan di Sarawak, hari ini.

"Esok (hari ini) di Sarawak ada pertemuan dengan Ketua Menteri dan kerajaan negeri berhasrat menawarkan tanah yang cukup luas hampir 600,000 hektar yang tidak akan ditanam semula dengan sawit.

"Sebahagiannya (tanah itu) saya akan berbincang dengan Sarawak kenapa tidak ditanam dengan jagung bijian yang dapat membantu kita (negara) mengeluarkan setidak-tidaknya 20 peratus makanan ternakan dengan sumbernya dari jagung bijian kita sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Program Kasih Peladang Parlimen Pulau di Kampung Skudai Kiri, di sini semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mazlan Aliman.

Bangunkan tanah, ladang terbiar

Salahuddin berkata, kementeriannya yakin dapat mengurangkan kebergantungan pada produk import dengan membangunkan semua tanah dan ladang terbiar di negara ini.

"Hampir enam dekad sejak merdeka kita tidak mampu lagi hasilkan produk yang cukup terutama dalam agromakanan dalam negara. Saya yakin Malaysia boleh mengurangkan kebergantungan produk import, tetapi ia mengambil masa dan mesti bermula hari ini.

"Kita akan terus untuk menjadikan tanah dan ladang terbiar untuk difikirkan bagaimana boleh diisi dengan tanaman 'cash crop' sebagai jalan keluar (kepada kebergantungan produk import)," katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, dilaporkan berkata bagi mengelak ringgit terus menjadi lemah, kerajaan merancang mengurangkan kebergantungan kepada barangan import yang mampu dihasilkan dalam negara.

Katanya, Malaysia perlu mengeluarkan sendiri produk asas seperti sayur-sayuran, buah-buahan, hasil laut dan ternakan bagi mengelak pengaliran ringgit ke luar negara.



Sebahagiannya (tanah itu) saya akan berbincang dengan Sarawak

kenapa tidak ditanam dengan jagung bijian"

Salahuddin Ayub,
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Headline	Agriculture minister hopes to reduce imported agricultural products		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	27 May 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A35	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	193 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,257
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,770



自给自足 农长冀减少进口农作物

新山26日讯：农业与农基工业部长拿督沙拉胡丁阿吉表示，我国有广阔的土地可种植农作物供肉类市场，减少对进口食物的依赖。

他同时希望教马哈迪将我国增加生产力、减少进口产品以带动国内经济的看法。

他举例，如动物饲料，我国

每年都会从国外运大量进口动物饲料。若我国能自给生产，就可减少进口的依赖。

沙拉胡丁阿吉今日傍晚出席国家农民组织（NAFAS）举办的城隍庙庆祝农民善举计划活动时，向媒体做出上述表示。

他坦言，我国已种植约60

万吨，国内农业种植生产量仍无法完全满足内需市场，但需要借助从国外进口。

据他了解，砂拉越共有60万

公顷土地适合农业种植，他将会明日前往砂拉越金里拉越善举部副部长巴丁宜到邦佐哈里，并建议种植玉米等，除了提供粮食外，也能作为国内动物饲料原料的需求。

他相信，我国可以朝这个方向前进。作为农业部长，他也将此为己任，会努力实践，让我国农作物自给自足，而我国还有许多闲置的土地可以种植。

此外，国家农民组织也开展转型，如推出农业计划，他将继续跟进计划并及研究专家意见后再推行该计划。

Headline	Minister of Agriculture: Agricultural products to increase in 5 years, reduce imports		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	27 May 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	7	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	108 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,273
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,818



農長：制定明確計劃 5年內增農產品減進口

（新山26日訊）農業及農基工業部長拿督沙拉胡丁認為，我國有能力生產足夠的農作物，包括結合先進科技、善用荒廢土地等方式進一步提高本地農作物產量，進而達到減少對進口作物的依賴。

他說：“垦殖区也有很充裕的土地，或是一些荒地，这些都是我们能好好利用的。我们可以做到提升农作物产量，但这些都非一朝一夕的事，需要时间。”

“尽管如此，我们会在这5年内制定明确的计划，以达成这个目标。”

沙拉胡丁今午为全国农民组织埔来区援助金分发活动上，回应首相敦马哈迪指出中

美贸易战影响我国经济导致货币疲弱，因此必须增加国内生产，减少进口货品，才能巩固国内经济的言论。

他也说，进口的农产品也包括动物饲料，因此我国也有必要提高这方面的产量。

今与砂商扩大种玉蜀黍

他也透露，他明日就会到砂拉越会见相关领袖，商讨扩大玉蜀黍种植与玉蜀黍粒加工的事宜，以达到自给自足的目标。

“砂拉越有一片约1万6000公顷的土地适合种植玉蜀黍，所以我明天会和相关部长会面磋商，相信可以在近期内落实。”

Headline	Agriculture minister: PH govt takes care of all people		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	27 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	49,712
Page No	A6	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	152 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,303
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,909



勿信無稽之談 農長：希盟政府照顧全民

(笨珍26日讯) 农业及农机工业部长拿督沙拉胡丁吁请民众切勿听信诸如“华裔政治领袖掌握太多权力”等无稽之谈，强调希盟政府照顾全民的立场。

“不论你是什么身份，你都是我们的人民。”

他今日在笨珍主持一项移交援助品及援助金给孤儿的活动并在会上致词时，如是表示。

他也说，伊斯兰其实是具有良善教义且关怀社会的宗教，而为孤儿或其他有需要帮助的人们提供援助就是其中正面价值的体现。

这项活动共有50名来自笨珍县的孩童受惠。(LSL)



■ 沙拉胡丁为受惠孩童选购开斋节新衣。

Headline	Agricultural minister urges public not to fall for rumour as Pakatan loyal to the country		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	27 May 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A6	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	243 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,841
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,524



希盟忠于君国 农长吁民众勿信谣言

【檳城26日讯】农业及农基工业部长沙拉胡丁阿育表示，希盟政府维护宪法及忠于君国，他呼吁国人不要相信恶意中伤的谣言，以及不要有极端的种族或宗教主义。

我们不希望看到马来西亚如同印尼，在替换政权时发生流血事件。马来西亚能在和平的情况下更换政权，显示了我国是个民主的国家，是个稳定的国

家。

他说，政府会关闭宗教学校是基于学生的安全考量。倘若明年的经济复苏，政府将更具有能力照顾宗教学校的建设。

沙拉胡丁阿育也是诚信党署理主席，今日上午为诚信党柔佛州青年团及妇女组所举办的「慈善车队」主持开幕仪式时，作出上述表示。

沙拉胡丁阿育指出，在509

大选中，人民已经勇于做出换政府的决定，希盟就必须兑现承诺，否则下届大选将遭到人民的唾弃。

「希盟必须证明给国人看，希盟能给予人民更好的生活。」

促公务员效忠政府

沙拉胡丁阿育说，新政府新风，希盟为了要让人民享有

公平的机会，在申请各类执照方面，政府都实行网上申请政策。不论申请者是否是希盟党员，只要符合资格，大家都享有平等机会。

与此同时，他也呼吁，公务员效忠政府，履行职责。

诚信党埔莱士巴当州议员达积丁透露，慈善车队已跑透柔佛各县，笨珍则是最后一站。

上述活动的宗旨在于将爱传播予单亲家庭或孤儿们，让他们能够开心过年，共有3000人因此受惠。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/5/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	12



MARITIM Malaysia menahan dua bot nelayan 23.6 batu nautika dari Pulau ketam.

Pelabuhan Klang

Tahan dua bot leka kaut hasil laut

Dua bot nelayan bersama dua tekong dan lima awak-awak ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) ketika leka mengaut hasil laut 23.6 batu nautika dari Pulau Ketam, Jumaat lalu.

Pengarah Maritim Malaysia negeri, Kapten Maritim Mohammad Rosli Kassim berkata, bot berkenaan ditahan dalam keadaan mencurigakan ketika pihaknya melakukan Op Ehsan di perairan itu jam 3.15 petang.

Menurutnya, pemeriksaan pertama mendapati bot nelayan tempatan dikendalikan tekong berstatus

pemastautin tetap dan dua awak-awak warga Indonesia yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri.

“Sejurus kemudian, pemeriksaan bot kedua pula mendapati tekong dan tiga awak-awak warga Indonesia didapati tiada dokumen pengenalan diri sah.

“Maritim merampas masing-masing 800 kilogram (kg) dan 100kg ikan pelbagai jenis daripada kedua-dua bot berkenaan,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, semua ditahan berusia 26 hingga 58 tahun dan disiasat mengikut Akta Perikanan 1985.

27/5/2019

KUALA SELANGOR,
TANJUNG KARANG

33

SINAR
HARIAN

Lantikan menteri dipertikai

Bawa masuk AJP PPK, PPN dan Nafas yang bukan ahli disifatkan keputusan melampau

ARZIANA MOHMAD AZAMAN

TANJONG KARANG

Pelantikan Ahli Jemaah Pengarah (AJP) yang bukan ahli menimbulkan pertikaian kerana didakwa membelakangi peraturan sedia ada.

Ahli Parlimen Tanjung Karang, Tan Sri Noh Omar menyifatkan lantikan menteri yang diwujudkan bagi pemilihan AJP Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) sebagai melampau.

Menurutnya, lantikan menteri lebih ramai daripada ahli tidak



Noh (kiri) menyerahkan sumbangan kepada 500 asnaf pada Majlis Penyempitan Sumbangan Aidilfitri 2019 di Gelanggang Futsal Kampung Sungai Sireh.

menunjukkan amalan demokrasi dilayangkan, malah kerajaan dilihat tidak memahami konsep PPK.

"Isu dibangkitkan PPK seluruh Selangor itu ternyata mengejutkan kerana individu yang dilantik atas kuasa menteri itu dikatakan bukan dalam kalangan ahli PPK.

"PPK Tanjung Karang turut

Noh yang juga ahli PPK Tanjung Karang turut mempertikai cadangan bayaran elaun kepada AJP secara bulanan sedangkan sebelum ini hanya dibayar untuk elaun mesyuarat.

"Kerajaan kena faham, PPK ini disertai ahli dengan bayaran yuran sendiri dan bukannya dapat bantuan kerajaan. Hairannya, nak guna duit rakyat nak bayar elaun yang tak perlu.

"Sekarang ni nak buat pindaan dalam undang-undang atau perlembagaan PPK pun membela-kangi pandangan ahli sedangkan jika ikut prosedur, kena bincang di peringkat akar umbi dulu.

"Tapi sekarang dari atas turun ke bawah bukan dari bawah bawa pun atas. Saya yang bekas menteri pun terkejut bila pemilihan atas lantikan menteri ini dilihat lebih sudu daripada kuah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Penyempitan Sumbangan Asnaf DUN Sungai Burong Sempena Aidilfitri 2019 di Gelanggang Futsal Kampung Sungai Sireh di sini baru-

info

PPK Tanjung Karang turut berdepan situasi sama apabila lantikan menteri yang sebelum ini dimansuhkan telah diwujudkan semula

baru ini.

Ketua UMNO Bahagian Tanjung Karang itu tidak menafikan perubahan peraturan baharu itu mungkin bertujuan mengekang kuasa UMNO di luar bandar.

"Ini kerana PPK ini diwujudkan UMNO sejak lebih 50 tahun lalu dan kebanyakan ahli dan pegerusnya adalah dari orang UMNO. Jadi tak mustahil ini agenda tersembunyi untuk kekang kuasa ahli.

"Pengundi UMNO masih kuat di luar bandar dan kebanyakan mereka ahli PPK. Bila lantikan menteri lebih majoriti segala keputusan tidak mustahil tidak menyebelahi ahli," katanya.

Headline	Nafas sudah kemuka pelan perniagaan kepada MOA		
MediaTitle	Selangorkini (https://selangorkini.my/)		
Date	27 May 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

Nafas sudah kemuka pelan perniagaan kepada MOA

JOHOR BAHRU, 27 MEI: Kepimpinan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) telah mengemukakan pelan perniagaannya kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bulan lepas, kata Menteri, Datuk Salahuddin Ayub.

Katanya, pelan tersebut meliputi ...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Usaha membangunkan tanah terbiar

MENGGALAKKAN pemilik tanah terbiar membangunkan tanah mereka atau membenarkan pihak lain mengusahakannya sudah digerakkan sejak lebih sedekad lalu.

Menyadari tanah baharu bagi tujuan pertanian kini adalah terhad, Jabatan Pertanian Malaysia mula memberi perhatian dalam membangunkan tanah terbiar bermula Rancangan Malaysia ke-8 (2001-2005).

Langkah lebih serius digerakkan sejak 2007 sebagai satu inisiatif menangani isu pembaziran sumber dengan matlamat membangunkan tanah terbiar, meningkatkan kapasiti pengeluaran bahan makanan negara di samping mengurangkan kebergantungan kepada sumber makanan import.

Bagaimanapun, setelah lebih 10 tahun dijalankan, sambutan dalam kalangan pemilik tanah masih belum mencapai tahap yang memuaskan.

Daripada 119, 273 hektar jumlah tanah terbiar di Semenanjung Malaysia yang direkodkan pada 2014, tanah yang dibangunkan di bawah Jabatan Pertanian sehingga 2018 hanyalah 7,944.97 hektar dengan jumlah peserta 5,964 orang.

Ini bermakna masih banyak lagi tanah terbiar yang belum diusahakan dan dioptimumkan penggunaannya untuk pertanian.

Usaha berterusan

Masalah sikap dan kesedaran pemilik yang tidak melihat kepentingan ekonomi untuk memajukan tanah menyebabkan usaha membangunkan tanah terbiar menjadi sukar.

Terdapat pemilik yang menghadapi kesukaran memajukan tanah mereka berikutan kegagalan mendapatkan persetujuan bersama memandangkan tanah mempunyai banyak penama.

Keanyakan pemilik asal tanah tersebut telah meninggal dunia dan ia diwarisi anak-anak yang rata-rata kemudiannya



TANAH terbiar boleh diusahakan untuk penghasilan sayur-sayuran. (Gambar hiasan).



NUR DALINNA

berhijrah ke bandar.

Contoh di Negeri Sembilan, status tanah adat di bawah Enakmen Pemegangan Tanah Adat Bab 215 dikatakan menjadi halangan untuk memajukan tanah terbiar.

Bagaimanapun, daripada kajian akademik yang dijalankan, undang-undang Tanah Adat itu tidak pun menghalang untuk pelaksanaan aktiviti pertanian

atau penyewaan tanah sebaliknya sikap pemilik tanah itu sendiri yang tidak mahu memajukan tanah yang dimilikinya.

Ini antara cabaran yang dihadapi Jabatan Pertanian selain kesukaran untuk mengenal pasti tanah terbiar dan pemiliknya, demikian menurut Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perancangan Strategik, Jabatan Pertanian Malaysia, Nur Dalinna Ibrahim.

"Kita tidak boleh memaksa pemilik usahakan tanah yang terbiar. Apa yang kita lakukan ialah berbincang dengan pemilik tanah untuk mencari jalan agar tanah itu dapat dimajukan dan dioptimumkan agar dapat mengeluarkan hasil," katanya.

Jelasnya, Pejabat Pertanian Daerah berperanan sebagai penggerak untuk mengenalpasti tanah terbiar serta pemilik

tanah tersebut di daerah mereka.

"Bukan itu sahaja, mereka juga menjadi pemudah cara untuk memadankan pemilik tanah yang tidak berkemampuan untuk mengusahakannya dengan pengusaha yang ingin memajukan tanah terbiar mereka bagi tujuan pertanian," katanya.

Insentif

Nur Dalinna menjelaskan, Jabatan Pertanian memberikan insentif permulaan kepada pemilik tanah atau pengusaha yang ingin memajukan tanah terbiar dengan kadar bantuan maksimum sehektar bernilai RM20,000.

Bagaimanapun, ia bergantung kepada keperluan sebenar di tapak dan bantuan itu juga tertakluk kepada keluasan maksimum lima hektar per individu, katanya.

Bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk pembangunan infrastruktur seperti pembersihan kawasan dan penyediaan sistem pengairan atau pemberian input pertanian seperti anak benih, baja ataupun bantuan teknologi dengan nilai tersebut.

"Jabatan Pertanian memberikan bantuan berbentuk insentif pada kadar yang ditetapkan bergantung kepada keadaan lokasi dan keperluan. Penilaian tapak akan dilakukan terlebih dahulu

untuk melihat kesesuaian lokasi dan tanaman yang ingin diusahakan," katanya sambil menambah sebanyak RM2 juta setahun diperuntukkan bagi melaksanakan program ini.

Bellau berkata Jabatan Pertanian mensasarkan 100 hektar tanah terbiar dapat dibangunkan setiap tahun dengan bilangan pengusaha seramai 50 orang.

"Setiap pengusaha yang mengikuti Program Pembangunan Tanah Terbiar sentiasa dipantau terutama dengan memberi khidmat nasihat di samping memastikan tanah yang dibangunkan kekal produktif," katanya.

Kurang modal

Beberapa jenis tanaman akan dicadangkan kepada pengusaha setelah melihat kesesuaian tanah untuk mereka pilih mengikut kecenderungan tanaman yang ingin diusahakan serta keupayaan mereka.

Walaupun diberikan bantuan insentif, namun ada juga peserta yang gagal meneruskan projek tanaman yang diusahakan, katanya.

"Antara punca kegagalan disebabkan kekurangan modal pusingan terutama pada peringkat awal penanaman di samping kekangan lain.

"Pengusaha tidak digalakkan bergantung sepenuhnya kepada Jabatan Pertanian. Sebaliknya mereka sendiri perlu menyediakan modal tambahan.

"Pemberian insentif ini merupakan usaha kerajaan membantu di peringkat awal pembangunan tanah selebihnya bergantung kepada komitmen masing-masing," katanya.

Dalam pada itu katanya, Jabatan Pertanian akan terus bergerak aktif tahun ini termasuk memberi penerangan kepada pemilik tanah terbiar agar jumlah tanah terbiar dapat dikurangkan dan membawa pulangan ekonomi bukan sahaja kepada pemilik tetapi juga kepada negara.

"Selain itu, laman sesawang Jabatan Pertanian juga sentiasa memaklumkan tanah-tanah pertanian terbiar yang ditawarkan pemilik untuk disewakan," katanya. -Bernama

27/5/2019

UTUSAN
MALAYSIA

MEGA AGRO

28



PROJEK ternakan yang mula diusahakan pada 2012 dengan 52 ekor kambing kini semakin berkembang.

TIDAK dapat dinafikan semakin hari semakin ramai dalam kalangan rakyat Malaysia berminat menceburi bidang ternakan kerana percaya industri itu membawa pulangan yang lumayan.

Walaupun agak sukar pada awalnya, namun berkat usaha, latihan dan bantuan yang diberikan kerajaan bukan sahaja membina keyakinan, malah membantu mereka memulakan perniagaan melalui pinjaman yang disediakan.

Bukan itu sahaja, golongan penternak muda kini bermasib baik kerana mendapat sokongan dari Persatuan Alumni Institut Veterinar (AIVM) dan Majlis Belia Malaysia (MBM) yang banyak membantu dalam menyediakan kursus-kursus berkaitan penternakan.

Bagi penternak muda, **Mohamad Ambri Shaharuddin**, usahanya sejak Julai 2012 semakin membuahkan hasil walaupun pernah berhadapan halangan sepanjang terlibat dalam bidang perniagaan lembu, bebiri, kerbau serta kambing.

Ladangnya yang terletak di Felda Palong, Gemas, Negeri Sembilan membuktikan dengan usaha permulaan hanya 50 ekor biri-biri betina dan dua ekor jantan, projek tersebut semakin berkembang dan kini meningkat 450 ekor.

Bukan mudah bagi **Mohamad Ambri** memulakannya, tambahan pula usia yang masih muda memerlukan belajar semua aspek perniagaan dari sifar.

Dia juga terpaksa memperuntukkan RM15,000 untuk membina kandang yang besar bagi memastikan ternakan tidak berhimpit yang boleh membantutkan tumberasan.

Bagi memantapkan aspek pengurusan, dia pernah mendapat bimbingan dari

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) selain menyertai kursus di Institut Veterinar Malaysia

Dia juga memohon dana Tekun Nasional dan Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) serta bimbingan

dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

Minatnya untuk terlibat dalam bidang penternakan ruminan bernula sejak di bangku sekolah lagi.

Dia beruntung kerana minat tersebut mendapat galakan keluarga yang membantunya

termasuk memberi tanah bagi membolehkannya mengusahakan ternakan.

Langkah permulaannya bagaimanapun berdepan cabaran awal.

Nasibnya malang kerana racun tikus yang diletakkan berhampiran kandang bagi tujuan membunuh haiwan perosak mendatangkan bencana yang tidak diduga. Racun tikus tersebut dimakan oleh haiwan ternakannya menyebabkan dia mengalami kerugian yang besar.

"Dari situ saya belajar

mengenai cara taburan racun tikus. Selama ini saya tabur secara salah. Saya anggap dugaan tersebut sebagai cabaran untuk mengembangkan perniagaan," katanya.

Sejak itu **Mohamad Ambri** bangkit dan terus mengorak langkah apabila mempelbagaikan cabang perniagaan dalam ternakan termasuk menawarkan perkhidmatan untuk akikah, korban, kenduri kahwin, membekalkan daging segar dan perap dengan menjalankan sendiri kerja-kerja penyembelihan dan menyediakan khidmat penghantaran.

"Saya tidak boleh lagi hanya bergantung kepada menjual dan membeli haiwan ternakan kerana jumlah pengusaha ternakan di negara ini ramai.

Justeru, saya menambah fungsi ladang agar memenuhi permintaan penduduk sekitar. "Alhamdulillah bidang baharu yang diceburi itu mendapat permintaan yang tinggi dari penduduk setempat dan sekitar," ujarnya.

Walaupun persaingan dalam bidang ternakan amat besar, namun dia positif bahawa persaingan itu sebagai sesuatu yang baik.

"Baguslah ramai yang terlibat



Ladang biri-biri **Mohamad Ambri Shaharuddin** di Gemas, Negeri Sembilan.



KAMBING biri-biri merupakan ternakan utama.

kerana bekalan makanan tidak akan terputus. Malah, antara kami (penternak) tidaklah bersaing secara negatif, sebaliknya saling membantu dalam memastikan bekalan sentiasa ada untuk pengguna.

"Contohnya sekiranya bekalan kambing di ladang saya tidak mencukupi, saya akan meminta bantuan pemilik ladang lain.

"Biasanya mereka memberi kerjasama dengan menawarkan kambing yang diperlukan kepada saya bagi memastikan pengguna mendapat bekalan.

"Sebenarnya kami saling melengkapi dan kerap berjumpa untuk berkongsi pandangan dan pendapat. Selain itu, kami kerap menghadiri kursus atau seminar berkaitan bidang yang diusahakan," katanya.

Hari ini, dengan jumlah ternakan yang semakin meningkat, Mohamad Ambri melihat cabaran ternakan semakin besar antaranya harga makanan tambahan seperti dedak semakin meningkat

"Saya juga menghadapi masalah serangan anjing liar atau binatang buas," ujarnya.



MEMBERI makan kepada ternakan menjadi rutin harian.

Meskipun begitu, dia tetap mempunyai perancangan besar pada masa akan datang iaitu menambah induk atau kambing betina untuk tujuan pembiakan dan mempelbagaikan jenis baka ternakan. Selain itu dia juga merancang mengeluarkan pelbagai produk tempatan.

Harapannya mahu menganjurkan kursus asas kepada penternak baru dan berharap industri ruminan dapat membantu meningkatkan bekalan daging tempatan.

Bimbang masalah penyakit menular

KELAB Generasi Transformasi Ruminan (GTR) Malaysia bimbang sekiranya isu penyeludupan ternakan dari luar tidak dibendung kerana ia akan mendedahkan industri ternakan ruminan tempatan kepada ancaman penyakit.

Pengerusi, **Hussain Jaapar** berkata, masalah penyeludupan ternakan bukan sahaja akan menjejaskan kehidupan penternak tempatan yang bergantung kepada hasil jualan ternakan mereka, tetapi berpotensi membawa risiko yang lebih tinggi iaitu penyakit berbahaya seperti penyakit kuku dan mulut (FMD).

Ia berpunca daripada tidak melalui proses kuarantin yang sepatutnya di pusat milik Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

"Kemungkinan penyebaran penyakit yang berbahaya dari luar ini dikhuatiri akan terus memalapkan industri ternakan tempatan," ujarnya.

Beliau mengulas mengenai kejayaan Batalion Ke-9 Pasukan Gerakan Am yang mematahkan aktiviti penyeludupan haiwan ternakan dari Thailand di Kampong Tok Rusa, Kubang Pak Itam, Kelantan baru-baru ini.

Kelab GTR Malaysia kata beliau, akan sentiasa menyokong penuh sebarang tindakan oleh semua pihak berkaitan seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), MAQIS dan lain-lain dalam menaikkkan semula industri ternakan ruminan supaya

kebaikan penternak sentiasa terpelihara.

Kelab itu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak berkuasa atas kesungguhan membanteras isu yang telah sekian lama menjadi wabak kepada industri ternakan negara ini.



HUSSAIN JAAPAR

Kelab GTR Malaysia merupakan kelab pengusaha ternakan yang diberi nama tersebut bagi menggambarkan wawasan sebuah generasi baharu.

Mereka terdiri daripada penternak lembu, kambing, biri-biri dan rusa yang bersama-sama melakukan transformasi demi memajukan industri

ruminan tempatan serta sentiasa mencari dan berkongsi peluang-peluang dalam memajukan industri itu.

Kelab berkenaan didaftarkan pada 19 Februari 2014 tetapi mula aktif lebih awal iaitu pada Jun 2013.

Kini Kelab GTR Malaysia mempunyai empat cawangan rasmi iaitu di Zon Utara, Zon Selatan, Zon Pantai Timur serta Zon Sabah dengan keahlian hampir 5,000 orang.

Selain itu, kelab tersebut telah menubuhkan Koperasi Kelab GTR bagi menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi bagi membantu ahli dan penternak ruminan seluruh negara.

Pada Januari lalu, Kelab GTR Malaysia dengan rasminya telah meluluskan penubuhan Civil Defence Emergency Response Team (CDERT) yang bertujuan membantu ternakan dan penternak tempatan sekiranya ditimpa musibah.



HUSSAIN JAAPAR bersama lembu baka import.

Headline	Protect rights for paddy farmers even if facing jails		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	27 May 2019	Color	Full Color
Section	Metro Edition A	Circulation	288,920
Page No	15	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	305 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,242
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,727



叶光华·77岁·
雷州适耕庄人·稻农

陷牢獄也要捍衛稻農權益

Text—陳烜論 Photo—陳烜論

因父亲是一名稻农，我初中毕业后就协助父亲种稻，不过当时是劳工党活跃的时代，尽管我不是党员，但也积极参与社会运动。

谷价曾在1968年面临贱价问题，稻农曾多次向农业部请愿都不受理，稻农忍无可忍之下，我们在当年发起一场“放火烧米”的斗争行动，获得全村人的支持，捐出稻谷放火一烧，成功促使谷价恢复到合理的水平。

不过，当年的斗争

却引来“追捕之祸”，政府开始展开大逮捕行动，当时带头参与斗争的稻农开始四处奔走，而我在1971年与几名稻农被政府逮捕，政府援引内安法令将我直接送到麻坡拘留营。

我先后待过3个拘留营，分别是麻坡拘留营、接着为甘文丁以及最后到华都牙也拘留营，经历4年两个月的牢狱岁月。

在拘留营内，我认识了很多人党的朋友，也在营内自修语文。我在1974年获释后继续当稻农，但也不改本色，只要遇到农民的困难，一定会站出来发声。

我曾多次与合作社或农业部的官员“开骂”，也曾遭到官员打压或刁难，但并没有使

我退缩，相反每一次稻农遇到压榨或权益被剥夺时，我都挺身而出。

种稻其实面对青黄不接问题，尤其越来越多年轻人不愿接手，要知道种稻一年收成两次，等于一年只有两次收入，对于年轻人可能无法适应或接受。

我今年77岁了，虽有想过退休，但想到稻农至今依然面对许多打压问题，有时候我想着没人帮衬，稻农的权益就会受损，所以继续留守岗位，必要时挺身而出。



文汇报
 叶光华在麻坡拘留营，与几名稻农被政府逮捕，政府援引内安法令将我直接送到麻坡拘留营。